

ULASAN SOALAN UPSR BAHASA MELAYU SJK 2016

PENULISAN

Bahagian A

Jawapan dan Ulasan

- Soalan membina ayat berdasarkan gambar bersiri – 5 gambar.
- Tulis 5 ayat berdasarkan aktiviti semasa program keceriaan di kawasan sekolah.
- 1 Razif dan Mariam membersihkan longkang berdekatan dengan pagar sekolah.
2 Ah Siew, Fara dan Hanafi mengecat mural pada dinding sekolah.
3 Johnson sedang menggali tanah untuk menanam pokok di kawasan sekolah.
4 Rama dan Farhan membersihkan kolam ikan sambil berbual-bual.
5 Kevin menyapu sampah di dalam kelasnya supaya kelihatan bersih.

5 ayat contoh yang lain:

- 6 Tan berjalan sambil membawa sebungkus plastik yang berisi sampah sarap.
- 7 Asmadi menundukkan badan untuk membancuh cat sambil memegang penggelek cat.
- 8 Darren sedang membersihkan pokok hiasan untuk dimasukkan ke dalam kolam ikan.
- 9 Ezul sedang membuang habuk pada meja guru menggunakan pembersih habuk.
- 10 Nina dan Mei Mei mengelap tingkap kelas dengan berhati-hati.

PENULISAN

Bahagian B

Jawapan dan Ulasan

- Soalan menulis ulasan berdasarkan gambar.
- Tulis ulasan tentang **amalan gaya hidup yang sihat** dalam bentuk perenggan.
- Panjangnya ulasan hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.

Gambar menunjukkan amalan gaya hidup yang sihat yang perlu diperaktikkan oleh semua orang. Pelbagai amalan gaya hidup yang sihat boleh kita lakukan. Pertama, kita mestilah makan makanan yang seimbang. Makanan yang dimakan mestilah mempunyai vitamin yang diperlukan oleh badan. Kedua, kita perlulah mendapat tidur yang cukup agar dapat mengembalikan tenaga yang telah hilang sepanjang hari. Akhir sekali, kita hendaklah bersenam dan bersukan untuk memastikan badan kita sentiasa sihat. Kesimpulannya, amalan gaya hidup yang sihat penting agar kita dapat mengelakkan penyakit berbahaya.

Soalan	Jawapan dan Ulasan
I	<ul style="list-style-type: none"> • Soalan menulis karangan berbentuk cerita berdasarkan puisi yang diberikan. • Karangan tersebut berkaitan sambutan Hari Kemerdekaan. • Panjangnya karangan hendaklah antara 70 hingga 100 patah perkataan. <p>Pada awal pagi lagi, aku, Chong, Bala dan Jacky sudah berkumpul di Dataran Merdeka untuk menyambut Hari Kemerdekaan. Suasana pada ketika itu sangat meriah.</p> <p>Sambutan Hari Kemerdekaan dimulakan dengan upacara menaikkan bendera Jalur Gemilang dan menyanyikan lagu <i>Negaraku</i>. Kemudian, ikrar dibacakan dan pemimpin negara turut memberikan ucapan kepada seluruh rakyat Malaysia.</p> <p>Selepas itu, acara perbarisan dan perarakan kereta berhias pun dimulakan. Peserta perbarisan terdiri daripada pelbagai badan kerajaan dan swasta. Mereka memberikan tabik hormat kepada pemimpin negara.</p> <p>Kami sangat teruja melihat perarakan kereta berhias. Kereta-kereta itu dihias dengan pelbagai bunga dan dekorasi yang menarik. Aku tidak melepaskan peluang untuk merakam gambar suasana di sana.</p> <p>Sambutan diteruskan lagi dengan persembahan kebudayaan. Mereka memakai pakaian yang berwarna-warni. Suasana bertambah gamat kerana semua penonton bersorak apabila pertunjukan udara dimulakan. Lima buah jet pejuang melakukan formasi penerbangan yang cantik.</p> <p>Sambutan Hari Kemerdekaan berakhir pada jam 12.30 tengah hari. Kami pulang ke rumah dengan perasaan yang gembira. Aku dan rakan-rakanku berharap agar dapat menyaksikan sambutan ini lagi pada tahun hadapan.</p>



Soalan	Jawapan dan Ulasan
2	<ul style="list-style-type: none"> • Soalan menulis karangan berbentuk cerita berdasarkan ayat yang diberikan. • Karangan tersebut mestilah diakhiri dengan ayat yang diberikan. • Panjangnya karangan hendaklah antara 70 hingga 100 patah perkataan. <p>Setiap orang mempunyai sahabat karib. Sahabat karibku bernama Edrina Hana. Dia berumur 12 tahun. Kami belajar di sekolah dan kelas yang sama. Aku mengenali Edrina sejak kami berumur empat tahun.</p> <p>Edrina seorang murid yang pandai. Dia sering memberikan tunjuk ajar kepadaku. Setiap petang, kami akan mengulang kaji pelajaran bersama-sama. Ayah Edrina bertugas sebagai seorang polis manakala ibunya seorang guru.</p> <p>Keluarga Edrina juga rapat dengan keluargaku. Kami pernah bercuti bersama-sama pada cuti persekolahan yang lepas. Walaupun keluarga Edrina kaya, namun mereka tidak pernah sompong. Mereka dikenali dengan sikap baik hati dan suka membantu orang lain.</p> <p>Guru-guru di sekolah juga menyenangi sikap Edrina. Edrina merupakan murid yang sering membanggakan sekolah. Edrina mewakili sekolah dalam pelbagai pertandingan. Dia sering menjadi contoh kepada murid-murid yang lain.</p> <p>Aku berasa bangga mempunyai sahabat seperti Edrina. Kami berharap semoga persahabatan kami yang rapat bagi isi dengan kuku akan berkekalan sehingga akhir hayat.</p>